

● Seminar Undang-Undang USIM

FAKULTI Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menganjurkan Seminar Antarabangsa Perbandingan Undang-undang 2008 (ISCOM2008) pada 18 - 20 November 2008 di Hotel Marriot, Putrajaya.

Majlis pembukaan akan dirasmikan oleh Ketua Hakim Negara, Tan Sri Zaki Tun Azmi dan perasmian penutup akan dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Mohamed Khaled Nordin.

● Seminar kesihatan USIM

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) akan menganjurkan Seminar Kesihatan 3RD - Wanita & Kesihatan pada 22-23 November 2008 di Hotel Legend, Kuala Lumpur.

Seminar akan dirasmikan oleh Menteri Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Eng Yen Yen.